

02 APR 1997

Khalil-Lebuh raya

PAHANG LULUSKAN PENJAJARAN BAGI LEBUH RAYA PANTAI TIMUR

KUANTAN, 2 April (Bernama) -- Kerajaan Pahang hari ini meluluskan penjajaran bagi pembinaan Lebuh raya Pantai Timur, sekaligus membuka laluan bagi pelancaran projek berkenaan yang dijangka Jun ini, kata Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob hari ini.

Semasa ditemui pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di sini, beliau berkata penjajaran itu meliputi laluan dari Karak hingga ke Jabor, Terengganu.

Katanya, beliau difahamkan perkara-perkara berkaitan pengurusan projek berkenaan telah diselesaikan dan kini hanya menunggu untuk pemberian kontrak sahaja.

Projek lebuh raya sepanjang 336 kilometer itu menghubungkan Karak, Kuantan dan Kuala Terengganu, dan akan membabitkan tempoh konsesi selama 33 tahun dengan kos RM2,700 juta.

Kerajaan pusat telah melantik tiga konsortium untuk mengendalikan projek itu, iaitu Malaysia Mining Corporation (MMC), Malaysia Thai Development (MTD) dan United Engineers Malaysia (UEM).

Khalil berkata berkaitan pembinaan landasan kereta api yang menghubungkan Kuantan, Kemaman dan Kertih di Terengganu, ia dapat membantu mempercepatkan pertumbuhan ketiga-tiga wilayah itu sebagai pusat industri berasaskan petrokimia.

Katanya, projek itu yang akan dijalankan secara usaha sama oleh Petronas dan KTM Berhad akan dimulakan secepat mungkin bagi mewujudkan hubungan dua hala, bagi menyediakan perkhidmatan mengangkut keperluan bahan mentah untuk industri berkenaan.

Beliau berkata kerajaan negeri tidak menjangkakan sebarang masalah berkaitan pengambilan tanah untuk projek pembinaan landasan itu. Pengambilan tanah akan dilakukan apabila laluan landasan itu telah ditentukan nanti.

Dalam lawatannya ke Pahang bulan lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa landasan kereta api itu bukan sahaja untuk mengangkut bahan mentah, tetapi juga penumpang, dan dalam jangka masa panjang ia akan dihubungkan dengan laluan kereta api dari Pantai Barat dan Pantai Timur Semenanjung.

Khalil berkata kerajaan Pahang mengalu-alukan pembinaan landasan kereta api itu yang boleh melengkapi projek pembesaran Pelabuhan Kuantan, Pelabuhan Kemaman dan pertambahan kilang petrokimia di Kertih.

Dalam mesyuarat Exco itu juga, kerajaan negeri merakamkan ucapan tahniah kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri, guru-guru dan pengetua kerana sekolah-sekolah di negeri itu memperolehi keputusan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia yang lalu. -- BERNAMA

ROS RI